

# Adakan perhimpunan khas bincang isu keamanan di Asia Barat Malaysia desak PBB

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI  
dan NORLIZAH ABAS

BANGI 29 Mei - Malaysia dan negara-negara sahabat sedang berusaha mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengadakan perhimpunan khas bagi membincangkan isu Asia Barat, termasuk melaksanakan segera gencatan senjata di Palestin dan Lebanon.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia sedang bekerjasama dengan rakan-rakan dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bagi mendapatkan sokongan negara-negara anggota PBB berhubung perkara itu.

"Kita telah pun menghantar surat kepada pemimpin-pemimpin berkenaan (kuasa-kuasa besar) termasuk kepada ahli tetap dan ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi mendapatkan sokongan mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Kemuncak Kelab Penyayang di Institut Latihan Keselamatan Sosial (ESSET) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di sini hari ini.

Pada majlis itu Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia, Nori Abdullah mengumumkan Kelab Penyayang akan mengadakan program Gegar U! bersama Kementerian Pengajian Tinggi, Astro, *Utusan Malaysia* serta *The Star*.

Ini merupakan satu program televisyen *Misi Suara Hati* terbitan Astro, yang diperkemas, diperhebatkan dan diperluaskan sempena musim barunya tahun ini.

Perdana Menteri berkata, para diplomat OIC dan NAM juga telah menghantar wakil-wakil tetap negara-negara anggota PBB di New York bagi mendapatkan sokongan mereka.

"Ini merupakan muafakat yang ditunjukkan oleh OIC dan NAM untuk mengambil tindakan bersama membantu menamatkan konflik di rantau itu.

"Kita berharap satu perhimpunan khas PBB dapat diadakan segera untuk membincangkan masalah dikawasan itu dan menggerakkan usaha mewujudkan keamanan di rantau itu," katanya.

## Malaysia desak PBB

Abdullah yang juga Pengerusi OIC dan NAM berkata, perkara itu sedang dihalusi Wisma Putra dengan negara-negara lain yang mempunyai pandangan yang sama.

Ketika diminta mengulas mengenai kegagalan negara-negara kuasa besar termasuk Amerika Syarikat (AS) mengusahakan segera gencatan di Palestin dan Lebanon, beliau berkata. AS tidak harus memberi sebarang alasan untuk menangguhkan usaha mengadakan gencatan senjata dikawasan itu.

"Saya memahami banyak negara telah membuat desakan tentang keperluan mengadakan gencatan senjata di Palestin dan Lebanon termasuk Malaysia dan OIC.

Yang menjadi masalahnya ialah AS tidak bersetuju (mengadakan senjata) dengan memberi pelbagai alasan dan penzindiran itu pula mendapat sokongan Britain.

"Amerika adalah sebuah negara kuasa besar dari kerja-kerja (tindakan) yang hendak diambil oleh PBB (untuk melaksanakan gencatan senjata) mungkin tersekat jika Amerika terus bersikap seumpama itu," katanya.

Menurut Abdullah, sidang di Rom baru-baru ini, yang diharap membawa keputusan yang baik berhubung gencatan senjata di Palestin dan Lebanon juga tidak berjaya.

Katanya, cuma Setiausaha Negara Amerika Syarikat Condolleeza Rice menyatakan Amerika mahu mengadakan gencatan senjata dengan syarat pejuang Palestin dan Hizbullah menyerahkan senjata mereka.

"Kalau hendak gencatan senjata, buatlah segera sekarang juga, kerana kalau kita menunggu maka besarlah kemusnahan yang akan berlaku di Palestin dan Lebanon," kata Abdullah.

Abdullah juga menolak cadangan supaya negara-negara anggota OIC menarik diri daripada menjadi anggota PBB.

Katanya, OIC tidak boleh keluar dari PBB kerana negara-negara anggota OIC boleh mendapat banyak manfaat daripada badan dunia itu.

Naiib Ketua Pergerakan Pemuda UM-NO, Khairy Jamaluddin semalam menggesa negara-negara anggota OIC menarik diri dari PBB kerana badan dunia itu gagal berfungsi melindungi keselamatan penduduk dunia.

Khairy memberitahu pemberita semasa mengadakan perhimpunan di hadapan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) mengutuk tindakan rejim zionis menyerang Palestin" dan Lebanon dan mem-  
tua.

Lebih 10,000 orang berhimpun di hadapan KLCC tempat berlangsungnya

Forum Rantau ASEAN (ARF) yang dihadiri oleh Setiausaha Negara Amerika Condolleeza Rice dan 16 negara anggota ARF. ARF diadakan sempena Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM).

Abdullah berkata, PBB masih merupakan badan yang berfaedah dan negara-negara anggota OIC boleh memainkan peranan aktif dalam pertubuhan berkenaan.

Beliau berkata, dengan terus menyertai PBB, negara-negara anggota OIC boleh membawa banyak isu lain kepada PBB termasuk isu-isu melibatkan negara-negara sedang membangun kerana.

"Ini kerana banyak negara anggota OIC dan NAM terdiri daripada negara-negara sedang membangun," katanya.

Selain itu, katanya, banyak negara OIC juga terdiri daripada anggota NAM dan jika negara-negara anggota OIC dan NAM terus berada dalam PBB ia akan memberi kekuatan kepada suara negara-negara membangun dan negara Kumpulan G77.

"Sebaliknya jika kita (negara anggota OIC) keluar dari PBB ia akan melemahkan suara negara-negara membangun," tambah beliau.

Katanya, OIC juga boleh mendapatkan manfaat daripada badan-badan lain yang ditubuhkan oleh PBB.